

17 AUG 2002

UIAM/I

LEMBAGA GABENOR UIAM LULUS BELANJAWAN RM400 JUTA BAGI 2003

LANGKAWI, 17 Ogos (Bernama) -- Mesyuarat tahunan Lembaga Gabenor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang berakhir hari ini meluluskan belanjawan 2003 yang berjumlah RM400 juta untuk pembangunan dan pengendaliannya.

Rektor UIAM Prof Dr Kamal Hassan berkata di bawah belanjawan itu, sebanyak RM176 juta akan dibelanjakan bagi pembangunan manakala RM284 juta lagi untuk pengendalian.

"Ini adalah mesyuarat pertama UIAM yang dibuat di luar Kuala Lumpur," katanya kepada pemberita di sini.

Anggota Lembaga Gabenor yang menghadiri mesyuarat itu ialah Duta Turki ke Malaysia Koray Targay, Duta Pakistan Nasim Rana, Duta Bangladesh Masood Aziz dan Menteri Pendidikan Maldives Dr Mohamed Latheef.

Presiden UIAM Tan Sri Sanusi Junid mempengerusikan mesyuarat dua hari itu.

Semalam, mereka melawat Kampung Buku di Lubok Semilang, Ulu Melaka di sini.

Pengurus Kampung Buku Book Hashim Ismail memberi taklimat mengenai pembangunan kampung itu, yang pertama di rantau Asia Tenggara.

Mereka juga melawat Galeria Perdana, yang mempamerkan lebih 2,000 cenderamata yang diterima Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada para pemimpin dunia.

-- BERNAMA

NH NAK